

28/06/1999

## Perubahan logo Petronas dipersetujui

KUANTAN, Ahad - Arahan penukaran segera logo Petronas membabitkan lebih 200 premis termasuk stesennya, sudah dipersetujui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin.

Walaupun kerajaan tidak memberi tempoh kepada Petronas berbuat demikian tetapi ia perlu dilakukan segera bagi mengelak isu logo Petronas berkenaan dieksploitasi pihak tertentu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata perubahan itu membabitkan kos tetapi beliau tidak mengetahui jumlah sebenar terbabit.

Menurutnya, perubahan logo sekarang kepada bentuk mirip logo asal Petronas sudah dipersetujui syarikat terbabit, malah ia tidak menjejaskan tanda asal syarikat itu dan warna korporatnya.

Beliau berkata, pihak tertentu mengambil kesempatan dan sengaja menimbulkan isu logo Petronas dan mengaitkannya dengan senario semasa tetapi kerajaan tidak akan membiarkan keadaan itu berlarutan.

"Sebenarnya, isu logo Petronas yang dieksploitasi pihak tertentu akan diubah kepada bentuk yang hampir dengan logo asalnya, tanpa menjejaskan imej korporat syarikat itu dan kita menghargai persefahaman yang diberi syarikat terbabit berhubung isu berkenaan.

"Perubahan logo Petronas itu juga sudah dipersetujui Perdana Menteri, Timbalannya dan Menteri Kewangan Pertama, malah Petronas berjanji melakukan perubahan itu dengan segera," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Umno Bahagian Paya Besar, di sini petang semalam.

Akhbar sebelum ini melaporkan keputusan menukar logo Petronas tidak ada kaitan dengan Pas, sebaliknya memastikan logo Petronas tidak dieksploitasi pihak tertentu.

Isu logo Petronas ditimbulkan pada Perhimpunan Agung Umno yang lalu apabila wakil Pahang, Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman, mendakwa penggunaan logo syarikat itu di sebuah stesen minyak di Temerloh menyerupai lambang Pas.

Berikutan itu, Petronas mengarahkan anak syarikatnya, Petronas Dagangan Berhad, meminda tanda pamer di stesennya.

Logo asal dengan lambang bulat putih di tengah dan berlatarbelakangkan hijau, kini ditukar kepada bulatan hijau sepenuhnya, bergelang putih dan mengekalkan warna latar belakangnya.

"Idea penukaran logo baru Petronas yang menimbulkan kontroversi itu mula diputuskan pada 1994 tetapi dilaksanakan secara berperingkat pada 1996, selepas Petronas menjalankan kajian," katanya.

(END)